

11/02/2003

Kemampuan 'Malaysia Boleh'

PUTRAJAYA: Slogan 'Malaysia Boleh' yang diperkenalkan bukan kata-kata kosong, sebaliknya berjaya membentuk minda dan semangat rakyat dalam usaha membangunkan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata rakyat negara ini boleh melakukan apa saja, kerana mereka ada kesungguhan dan sanggup bekerja kuat.

"Kita boleh lakukan apa saja dan ini membuktikan slogan itu amat berguna," katanya.

Beliau berkata, ketika berada di luar negara, ada rakyat asing yang berkata "boleh" (merujuk kepada Malaysia Boleh).

Dr Mahathir memberikan contoh bagaimana beliau mengutarakan idea perlumbaan basikal Le Tour De Langkawi untuk perlumbaan di sekitar pulau itu. Bagaimanapun, idea itu dikembangkan menjadi perlumbaan menjelajah seluruh negara.

"Hari ini, Le Tour De Langkawi menjadi perlumbaan basikal yang terbaik di luar Eropah dan negara mendapat pelbagai keuntungan daripada itu," katanya berucap pada majlis makan malam anjuran Institut Pengarah-Pengarah Malaysia (MID) di sini, malam tadi.

Majlis itu diadakan bagi menghargai jasa Dr Mahathir sepanjang kira-kira dua dekad beliau menerajui negara. Rakaman ucapan penghargaan dan pengiktirafan jasa Perdana Menteri oleh beberapa ketua pegawai eksekutif turut disiarkan pada majlis.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Presiden MID, Tan Sri Lim Kok Wing serta kira-kira 800 ketua eksekutif (CEO).

Dr Mahathir berkata, dalam pelaksanaan sesuatu perancangan dan idea, peranan dan fungsi pegawai peringkat pelaksana amat penting.

Katanya, walaupun CEO yang memberikan arahan, tetapi tanpa komitmen peringkat pegawai, rancangan itu tidak dapat dilaksanakan.

Beliau memberi contoh ideanya untuk mengeluarkan kereta nasional walaupun dikritik hebat pelbagai pihak.

Bagaimanapun, katanya, selepas diyakinkan dan komitmen semua pihak, akhirnya idea itu berjaya dilaksanakan dan kini kenderaan keluaran negara adalah kira-kira 80 peratus daripada kenderaan di jalan raya Malaysia.

"Ini membuktikan apabila CEO dapat menjelaskan apa yang sepatutnya dilakukan kepada eksekutifnya, walaupun dia sendiri tidak melakukannya, tetapi usaha itu akan berjaya," katanya.